

CNS7155

U GB 06-08 00162 BD962

bah

Mahathir - Yayasan (Bergambar)
PM LANCAR YAYASAN PELAJARAN PELADANG

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) bertujuan membantu membiayai pendidikan anak-anak peladang di semua peringkat.

YPP yang ditubuhkan sebagai tabung induk pelajaran dan biasiswa Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), akan membantu mereka melalui pemberian biasiswa, dermasiswa dan pinjaman.

YPP juga antara lain bertujuan untuk menggalakkan pencapaian kecemerlangan ilmu di kalangan anak-anak peladang dengan memberikan hadiah atau anugerah, memberikan kemudahan persekolahan dengan membina asrama untuk mereka di bandar, mendirikan sekolah dan maktab swasta dan menggalakkan pengajian dan penyelidikan ilmu dalam bidang-bidang yang boleh mendatangkan faedah kepada masyarakat peladang.

Dr Mahathir, dalam ucapan ringkasnya, berharap yayasan itu akan memberikan bantuan kepada para pelajar yang benar-benar mempunyai minat untuk belajar.

"Penuntut yang dipilih mesti benar-benar ingin belajar kerana jika tidak, ia tidak akan mendatangkan faedah," kata beliau. -- laqi.

06/08/23-02MST

CNS7169

U GB 06-08 00171 BD970

bah

Mahathir - Yayasan 2 (akhir) Kuala Lumpur

Katanya, terdapat banyak organisasi di negara ini yang memberi bantuan kepada pelajar-pelajar untuk meneruskan pendidikan mereka tetapi yang penting ialah organisasi itu mesti mendapat pulangan yang berfaedah daripada pemberian bantuan itu.

Pengerusi NAFAS, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, dalam ucapannya, berkata penubuhan YPP selaras dengan matlamat NAFAS untuk meningkatkan lagi taraf hidup keluarga serta masyarakat peladang daripada semua segi agar mereka dapat berdikari.

Beliau juga berkata NAFAS telah mencatatkan keuntungan lebih RM25 juta tahun lalu.

Katanya, kerajaan telah membantu NAFAS dalam banyak perkara dan berjanji pertubuhan itu akan terus menyokong Barisan Nasional (BN).

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima sebanyak RM236,000 daripada pelbagai pihak bagi yayasan itu, iaitu RM126,000 daripada Pertubuhan-pertubuhan Peladang Negeri dan RM100,000 daripada Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid bagi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang Bank Pertanian pula menderma RM10,000.

Dr Mahathir juga menyampaikan dermasiswa pertama yayasan itu kepada 11 orang anak peladang. -- Bernama

ES-A2.

06/08/23-27MST